

PENYELEWENGAN FAKTA MENGENAI FEMONENA FALAK; KEPERLUAN PENYELIDIKAN TEMATIK ḤADĪTH BERKAITAN OBJEK SELESTIAL DI DALAM AL-KUTUB AL- SITTAH

**AHMAD IRFAN BIN IKMAL HISHAM
PROFESOR MADYA DR ISHAK BIN HJ SULIAMAN**

Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang
irfan@ump.edu.my / abid.fana@gmail.com
Mobile: 0129787895 / Fax: 095493112

Abstrak

Perkembangan ilmu falak telah direkod sejak awal kemunculan Tamadun Islām. Secara etimologinya, falak berasal daripada perkataan Sumerian iaitu *'pīlak'* yang membawa maksud objek yang berputar, biasanya di langit (Encyclopedia of Islām, 1983). Walaupun sistem pendidikan pra-kemerdekaan di negara kita telah didominasi oleh sains Eropah sehingga memencilkan etnosains dan Islām, ilmu tersebut kini semakin menjadi tumpuan dalam kalangan akademia (Baharrudin, iii:2009). Dewasa ini, ilmu falak mendapat sambutan masyarakat sama ada menerusi kegiatan astronomi amatur, profesional dan juga penyelidikan akademik. Pun demikian, perkembangan itu dicemari dengan beberapa keliruan terhadap fenomena astronomi dalam kalangan masyarakat, seperti teori heliosentrik dan geosentrik, perubahan kutub bumi dan waktu maghrib sebenar (Raihana, 254:2014). Contohnya, dakwaan yang matahari akan terbit daripada Barat, kononnya hasil kajian NASA. Ironinya, sebahagian penyelewengan itu disandarkan dengan ḥadīth berkaitan objek selestial, bagi tujuan memperkukuh dakwaan. Konsteks Ḥadīth yang menyebut objek-objek selestial, seperti *qamar*, *shams*, *kawākib* dan *burūj* juga telah diseleweng. Justeru, kertas penyelidikan ini ditulis dengan mensasarkan objektif memberikan pencerahan terhadap kepentingan kajian preliminari tematik terhadap ḥadīth berkaitan objek selestial di dalam *al-kutub al-sittah* bagi menyusun elemen kontesktual kefahaman Ḥadīth tersebut di dalam isu-isu astronomi. Bagi mencapai objektif tersebut, pendekatan kuantitatif ringkas diaplikasikan bagi mendapatkan frekuensi penggunaan objek selestial di dalam *al-kutub al-sittah*, disusuli dengan analisis tekstual terhadap pola tema ḥadīth berkaitan berasaskan teori kualitatif tematik Boyatzis (1998). Penyelidikan ini mencadangkan kepentingan untuk penyelidikan tematik mengenai ḥadīth berkaitan objek selestial bagi menjawab kekeliruan yang timbul di sebalik fenomena astronomi yang berlaku dalam masyarakat.

Keywords: Ḥadīth Maudū'iy, Falak, Astronomi, Tematik, Astro-Fiqh

Biografi Penyelidik

Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham merupakan pelajar PhD di Jabatan al-Qur'ān dan al-Hadīth, Universiti Malaya di bawah penyeliaan Profesor Madya Dr Ishak bin Haji Suliaman. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Sharī'ah Islāmiyah daripada Universiti al-Azhar pada tahun 2001, sebelum bergraduasi dengan Ijazah Sarjana Master of Letters in Islamic Jerusalem Studies daripada University of Aberdeen, UK, pada tahun 2005. Berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Malaysia Pahang sejak 2006, penyelidikan beliau berkisar mengenai isu-isu fiqh khasnya falak, selain teknologi pendidikan. Beliau turut menulis artikel ilmiah dan juga artikel popular, terkini disiarkan di Berita Harian pada 3 April 2015 dengan tajuk *Keindahan Perlaksanaan Hudud Sepanjang Zaman*. Beliau turut menjadi konsultan Had al-Kifayah bagi Pusat Kutipan Zakat Negeri Pahang, selain dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Falak Negeri, Majlis Ugama Islām dan Adat Resam Negeri Pahang.

1 PENDAHULUAN

Ḥadīth adalah merupakan sumber rujukan kedua di dalam Islām. Kepentingan ilmu ḥadīth dapat dilihat berdasarkan peranannya yang bukan sahaja menjadi sumber perundangan yang penting di dalam ilmu shari'ah, akan tetapi ianya juga berfungsi sebagai salah satu daripada kaedah pembuktian mu'jizat kenabian Muḥammad. Berdasarkan kepentingan ilmu tersebut, Syamsul Anuar berpandangan ianya tidak hanya menjadi bidang yang eksklusif dalam kalangan sarjana ḥadīth tradisi, akan tetapi turut menjadi objek penyelidikan di dalam bidang-bidang yang lain, seperti ilmu fiqh¹.

Atas landasan inilah dunia penyelidikan ḥadīth semakin merentasi bidang disiplin ilmu. Sebagai contoh, buku al-I'jāz al-'Ilmiy fī al-Sunnah al-Nabawiyah nukilan Dr Zaghul al-Najjar², telah dijadikan rujukan terbaik para penyelidik untuk mengkaji perkaitan mu'jizat saintifik yang boleh dipelajari daripada ḥadīth nabawiy³. Mendahului sebelum itu, ialah siri-siri penyelidikan yang dibuat oleh sarjana barat seperti Maurice Bucaille⁴ yang membincangkan persoalan sains di dalam al-Qur'ān dan Keith Moore⁵ yang menerajui kajian embriologi berasaskan ayat al-Qur'ān.

Antara cabang penyelidikan sains di dalam ḥadīth ialah persoalan astronomi dan falak.

1.1 ILMU FALAK

Perkataan falak disebut di dalam al-Qur'ān, merujuk kepada pergerakan bersistemik objek selestial⁶. Firman Allah:

لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ

Yāsīn 36:40

Terjemahan: (Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak

¹ Syamsul Anwar, Profesor Dr, *Interkoneksi Studi Ḥadīth dan Astronomi* (Yogyakarta: Penerbit Suara Muhammadiyah, 2011), 1.

² Zaghul al-Najjar, *al-I'jāz al-'Ilmiy fī al-Sunnah al-Nabawiyah nukilan Dr Zaghul al-Najjar* (Cairo: Nahdah Misr, 2007), 3.

³ Rujuk Ishak Suliaman et al, *Metodologi Penulisan Zaghul al-Najjar Dalam Menganalisis Teks Ḥadīth Nabawiy Melalui Data-data Saintifik* (Prosiding Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti dan Cabaran Semasa, 2011) 279-289.

⁴ Rujuk Maurice Bucaille, *Le Bible, le Coran et la Science* (France: Pocket, 2003).

⁵ Rujuk Laman Sesawang Wikipedia, dicapai 27 Julai 2015, https://en.wikipedia.org/wiki/Keith_L._Moore.

⁶ Sebahagian sarjana menggunakan istilah jasad samawi (Baharrudin Zainal) atau objek langit. Ianya merujuk kepada semua objek yang ada di langit, seperti bintang, planet, bulan dan lain-lain.

dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya (falak) masing-masing.

Menurut Ibn Kathīr, perkataan falak yang dimaksudkan di dalam 36:40 ialah orbit yang menjadi laluan objek-objek selestial⁷.

Falak juga dapat difahami sebagai *majrā al-kawākib* yang bermaksud tempat perjalanan planet atau orbit⁸. Memandangkan ilmu ini merupakan antara disiplin ilmu yang telah berakar umbi lama di dalam tamadun manusia, ianya juga dapat difahami dengan pengertian yang variatif.

Ilmu falak dan astronomi melalui proses perkembangan yang signifikan di negara kita. Rentetan usaha yang dilakukan sama ada melalui saluran akademik, seperti di Universiti-universiti Awam yang membuka program pengajian dan penyelidikan falak (Universiti Malaya, Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Kebangsaan Malaysia dan lain-lain), ramai pakar telah dilahirkan. Selain itu, wujudnya kelab-kelab astronomi di sekolah dan universiti, selain program anjuran ahli astronomi amatir seperti Falak Online turut membantu mempopularkan bidang ini dalam kalangan masyarakat awam.

1.2 SALAH GUNA ḤADĪTH DI DALAM PENYEBARAN MAKLUMAT PALSU FENOMENA FALAK

Memandangkan ilmu falak telah menjadi semakin popular, maka ianya turut mengundang kepada penyebaran maklumat palsu (*hoax*) berkaitan fenomena astronomi. Walaupun dengan matlamat yang baik, seperti untuk *amar ma'ruf*, memberikan peringatan kepada manusia mengenai hampirnya hari qiamat, akan tetapi pendustaan ini tidak dapat diterima di dalam Islām, apatah lagi apabila ianya membabitkan penyalahgunaan ḥadīth di dalam penyebaran maklumat tersebut. Antara contoh penyebaran palsu itu ialah seperti berikut:

1.2.1 MATAHARI AKAN TERBIT DARIPADA BARAT⁹

Dakwaan yang matahari akan terbit daripada barat dalam masa terdekat adalah di antara penyebaran palsu yang paling popular dalam masyarakat awam. Dakwaan ini diperkukuhkan dengan kononnya ianya telah disahkan oleh pihak NASA, selain menggunakan ayat al-Qur'ān dan al-Ḥadīth untuk memperkukuhkan dakwaan mereka. Berikut merupakan antara petikan penyebaran palsu ini:

...NASA mengeluarkan kenyataan matahari akan terbit dari barat. Sains astronomi ada menyebut bahawa kelajuan putaran

⁷ Ibn Kathīr, dicapai 29 Julai 2015, <http://www.altafsir.com/Tafasir.asp?tMadhNo=1&tTafsirNo=7&tSoraNo=36&tAyahNo=40&tDisplay=yes&Page=4&Size=1&LanguageId=1>

⁸ Aḥmad Izzan et al, *Studi Ilmu Falak; Cara Mudah Belajar Ilmu Falak* (Banten: Pustaka Aufa Media), 1.

⁹ Detik Islām, dicapai pada 30 Julai 2015, <http://detikislam.blogspot.com/2013/06/matahari-terbit-sebelah-barat.html#>

planet Marikh sedang perlahan sedikit demi sedikit ke arah laluannya ke timur. Para saintis agensi angkasa lepas kebangsaan Amerika Syarikat (NASA) pula mendapati pergerakan planet itu terhenti ke arah laluan tersebut.

NASA kemudian mendapati planet Marikh telah menukar laluannya ke arah yang bertentangan, iaitu ke arah Barat, ini bermakna matahari akan terbit dari arah barat Marikh. Fenomena yang ganjil itu disebut sebagai “retrograde motion”.

Subhanallah! Kekasih Allah Nabi Muhammad bersabda bahawa salah satu tanda besar yang hari kiamat akan tiba ialah apabila matahari terbit dari Barat.

Pihak NASA telahpun mendapati tanda-tanda matahari akan terbit dari Barat semasa ahli sains astronominya mengkaji pergerakan planet Marikh. Yang mereka tidak dapat pastikan ialah tempoh masa yang bakal diambil sehinggalah semua planet melalui fenomena yang serupa.

Dapatan sains oleh NASA itu semestinya memperkukuhkan lagi iman umat Islam akan tanda-tanda kiamat. Manusia tidak tahu bila ianya akan berlaku walaupun sudah ada banyak tanda-tandanya. Hanya Allah Yang Maha Mengetahui.

Kalau di kaji dengan teliti, teori yang dijelaskan Al-Quran ini agak berbeza dari teori-teori barat. Yang pertama, Al-Quran menjelaskan bulan yang menyebabkan bumi bertukar arah. Al-Quran menunjukkan perkaitan yang erat dan rapat antara bumi dan bulan. Tetapi teori barat tidak ‘nampak’ pun peranan bulan dalam proses kejadian ini.

Yang keduanya, teori Al-Quran nampak lebih jelas dan mudah difahami, malah boleh dibuktikan melalui ujikaji makmal. Sedangkan teori barat tidak dapat diuji dalam makmal dan tidak menunjukkan keadaan matahari akan naik dari barat! Kalau berlaku perlanggaran yang teramat dahsyat (dengan komet yang besar), maka bumi akan hancur! Perlanggaran ‘kecil’ (seperti yang berlaku di Mexico) tidak akan dapat menukar putaran bumi. Lagi pun sekiranya komet melanggar bumi dari “arah yang salah” ianya mungkin akan menambah kelajuan pusingan yang ada sekarang misalkan dari 24 jam kepada 10 jam sahaja/hari. Sekiranya bumi berputar pada kelajuan ini, maka kelajuan objek yang berada pada permukaan equator (atau khatulistiwa) ialah kira-kira 4,000 km/sejam yang akan memusnahkan segala-galanya yang ada dipermukaan bumi seperti rumah, bangunan, tumbuhan, pohon kayu, dan manusia serta binatang-binatang akan berterbangan.

Lagi pun untuk membolehkan bumi berputar pada arah bertentangan, komet yang melanggar bumi mesti bergerak pada kelajuan lebih dari 2 kali kelajuan putaran bumi iaitu 3,300 km/jam (sekiranya saiz komet sama besar dengan saiz bumi), dan mesti melanggar bumi pada sudut dan lokasi yang tepat. Kalau ianya melanggar pada kutub utara, maka matahari tidak akan 'terbit dari barat'.

Yang ke-tiga, teori Al-Quran adalah lebih tepat sebab tidak berlaku kerosakkan yang besar kepada makhluk di bumi. Sekiranya berlaku kemusnahan yang besar (misalnya bumi hancur), maka ini bermakna sudah "betul-betul kiamat" dan bukannya lagi "hampir kiamat". Di dalam hadith di atas menjelaskan selepas matahari naik dari barat maka segala amalan dan taubat tidak diterima lagi, dan dajal akan turun ke bumi (ini menunjukkan manusia masih lagi hidup di bumi, dan berjalan seperti biasa).

Tambahan pula Al-Quran menyatakan (15:76) manusia akan melihat jalan-jalan tetap tegak, nampak seperti biasa tanpa sebarang kerosakan, dan masih boleh dilalui.

Keempat, penjelasan Al-Quran lebih menyeluruh dan dari teori barat. Ahli sains telah mendapati bahawa terdapat '2' jenis permukaan bulan iaitu permukaan yang cerah (yang sentiasa menghadap bumi), dan permukaan gelap (yang sentiasa membelakangi bumi). Kedua-dua permukaan ini mempunyai ciri-ciri yang berbeza yang amat ketara seperti warna, daya graviti, kandungan bahan-bahan, ketumpatan dan kemampuan, keradioaktifan, dan sebagainya. Oleh itu apabila bulan merekah ia akan merubah polar graviti, mengeluarkan tenaga elektromagnetik yang boleh menyebabkan daya graviti dan magnet bumi bertindak balas.

Nabi Muhammad dalam hadis yang maksudnya lebih kurang: "Salah satu tanda-tanda hari kiamat itu, matahari akan naik dari barat, di mana tidak lagi Taubah (keampunan) akan diberikan". Sebagai orang Islam kita yakin tanpa ragu apa yang disabdakan oleh Nabi dan untuk memudahkan pemahaman kita, Allah melalui ilmu sains astronomi memperincikan bagaimana hal ini akan berlaku.

Sains astronomi mendapati bahawa kelajuan planet Marikh menurun dalam perjalanan ke arah timur dan pada hari Rabu 30hb Julai 2003, pergerakan planet telah benar-benar berhenti dan hari tersebut, matahari telah naik dari sebelah barat di planet Marikh. Ini berlaku sekali sahaja, dan fenomena pelik ini diistilahkan sebagai Retrograde Motion. Para saintis menjelaskan ini akan berlaku kepada semua planet sekali

sahaja. Dan planet kita iaitu bumi adalah betul-betul bersebelahan dengan Marikh.

1.2.2 DUNIA BERGELAP SELAMA 3 HARI

Terdapat juga penyebaran palsu yang mendakwa matahari akan bergelap selama 3 hari. Selain mendakwa yang maklumat itu datangnya daripada NASA, penyebar maklumat itu juga akan memperkukuh kenyataan mereka dengan petikan-petikan ḥadīth yang kebanyakannya dipetik di luar daripada konteks ḥadīth berkenaan. Contohnya seperti berikut:

Pihak NASA menjangkakan akan berlaku fenomena bumi akan gelap selama 3 hari iaitu bermula pada 23, 24 dan 25 Disember 2012. Apakah ini satu bencana atau anugerah? Entah benar atau ke tidak hanyalah jangkaan manusia sahaja.

Para Saintis NASA menjangkakan perubahan alam semesta dengan kegelapan penuh pada bumi selama 3 hari bermula pada 23 Disember 2012 bukanlah akan berakhirnya usia dunia, tapi ini adalah “Penyejajaran Alam Semesta“, di mana matahari dan bumi akan berada pada satu garis lurus untuk pertama kalinya. Bumi akan bertukar tempat dari dimensi ke 3 ke dimensi 0, lalu bertukar lagi ke dimensi ke 4.

Semasa proses pertukaran ini, seluruh alam akan menghadapi perubahan besar, dan kita akan melihat dunia yang baru (Dark of the Earth). Dunia gelap tanpa sinar, tanpa cahaya matahari¹⁰.

1.2.3 ISU-ISU FIQH BERKAITAN FALAK

Selain itu, terdapat juga dakwaan palsu yang disebarkan membabitkan isu-isu fiqh. Contohnya, dakwaan yang arah qiblat telah bertukar beberapa darjah, dakwaan yang matahari telah beralih akibat perubahan kutub bumi, selain jadual waktu sembahyang yang telah bertukar. Kebanyakan dakwaan-dakwaan seumpama ini menggunakan beberapa petikan ḥadīth untuk memperkukuhkan penyebaran mereka.

1.3 KEPERLUAN KAJIAN ḤADĪTH DENGAN ILMU FALAK

Justeru, penyelidik berpandangan wujudnya keperluan yang signifikan untuk melakukan kajian ḥadīth-ḥadīth berkaitan dengan ilmu falak dan astronomi bagi memastikan kefahaman umat Islām terhadap disiplin ilmu ini berada pada landasan yang benar. Ini selari dengan kajian yang telah dilakukan oleh Raihanah yang menyatakan adalah wajar bagi penyelidik astronomi Islām mengkaji dan mendalami is ini bagi menyelesaikan kekeliruan masyarakat. Di samping itu, kajian berkaitan

¹⁰ Nizarazu, dicapai pada 30 Julai 2015, <http://www.nizarazu.com/kisah-sebenar-tentang-bumi-bergelap-3-hari/>

astronomi dengan al-Qur'ān dan al-Ḥadīth ini dapat menarik minat dan menggalakkan masyarakat Islām mengenal sains angkasa¹¹.

Selain itu, Raihanah turut berpendapat yang adanya keperluan untuk menjadikan subjek Ḥadīth sebagai salah satu daripada kursus teras kepada pelajar yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Syarī'ah Astronomi Islām dan kursus pilihan bagi mahasiswa pengajian Islām yang lain. Beliau berpandangan terdapat banyak kepentingan dan keperluan yang sangat penting memahami nas dalam konteks yang betul melibatkan disiplin pengajian astronomi Islām yang sedang membangun dan berkembang pada hari ini. Di samping itu juga, kursus tersebut akan menjadi panduan dan rujukan dalam penyelidikan program peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (Phd) dalam bidang astronomi Islām¹².

2 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan metodologi kualitatif menerusi kaedah analisis tematik. Analisis tematik merupakan antara kaedah kajian yang digunakan secara meluas di dalam penyelidikan kualitatif, walaupun kurang digunakan di dalam akademia¹³. Walaupun demikian, kaedah ini amat berkesan bagi menganalisa paten dan tema dalam mana-mana sumber rujukan bagi meluaskan lagi ruang penyelidikan dalam bidang pengetahuan yang spesifik.

Menurut Braun dan Clarke, terdapat 6 proses yang digunakan bagi menganalisis data tematik dalam penyelidikan¹⁴, seperti berikut:

- i. Mengumpul dan menyorot data kajian.
- ii. Menghasilkan kodifikasi awal.
- iii. Mencari tema-tema.
- iv. Membuat sorotan tema.
- v. Memperhalusi pengkategorian tema.
- vi. Menghasilkan laporan.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya akan memfokuskan pencarian ḥadīth di dalam Kutub Sittah yang mengandungi kalimah objek selestial asas iaitu al-najm, al-nujum (bintang), al-Hilāl, al-Qamar (bulan), dan al-Shams (matahari). Perkataan-perkataan tersebut dipilih kerana kaitan yang rapat dengan beberapa persoalan fiqh di dalam shari'ah, seperti penentuan arah qiblat, penentuan awal puasa Ramaḍān serta penentuan waktu solat.

Bagi mengumpul data, penyelidik menggunakan program Ensiklopedia Ḥadīth Kitab 9 Imām keluaran Lidwa untuk mengumpul data ḥadīth-ḥadīth yang berkaitan. Program Ensiklopedia Ḥadīth Kitab 9 telah diiktiraf dan digunakan secara

¹¹ Raihana Abdul Wahab. "Proses Kematian Bintang Daripada Perspektif Islam Dan Astronomi Modern" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2014), 254.

¹² Ibid., 255.

¹³ Boyatzis, Richard E., *Transforming Qualitative Information; Thematic Analysis and Code Development*. (London: Sage Publication, 1998), 4.

¹⁴ Braun, Virginia, & Victoria Clarke. "Using Thematic Analysis in Psychology." *Qualitative Research in Psychology* 3 (2006): 77–101.

meluas di dalam penyelidikan ḥadīth. Berdasarkan kajian yang dilakukan sarjana Ḥadīth Shahril Nizam Zulkipli dan Ishak Suliaman¹⁵, terdapat beberapa sumber ḥadīth daripada internet seperti di IslamWeb dan al-Durar al-Saniyyah yang boleh diterima auutoriti mereka di dalam pengajian ḥadīth. Mereka turut menyentuh program Ensiklopedia Ḥadīth Kitāb 9 yang dihasilkan oleh Lidwa daripada sudut ketepatan ḥadīth dan kemudahan untuk takhrij. Walau bagaimanapun, penyelidik akan turut melakukan semakan silang dengan edisi cetakan.

Selepas mendapatkan ḥadīth-ḥadīth tersebut, penyelidik seterusnya menghasilkan kodifikasi melalui penelitian terhadap kedudukan ḥadīth itu di dalam tema bab. Seterusnya, ḥadīth yang relevan akan dikumpulkan menerusi tema yang berkaitan dengan persoalan golongan faqīr dan miskīn. Sorotan dan analisis akan dilakukan, sebelum pengkategorian tema diperhalusi

3 HASIL KAJIAN

Berdasarkan pengumpulan data, Jadual 1 merupakan maklumat mengenai ḥadīth-ḥadīth yang mengandungi kalimah objek selestial di dalam Kutub Sittah.

Jadual 1 Taburan Objek Selestial Di Dalam Kutub Sittah

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
Al-Najm	26	Bukhārī (10 ḥadīth)	
		1009	Nama surah
		1011	Nama surah
		3676	Nama surah
		3564	Nama surah
		4484	Nama surah
		1011	Nama surah
		4485	Nama surah
		6801	Nama surah
		Abū Dāwūd (3 ḥadīth)	
		1188	Nama surah
		1196	Nama surah
		1197	Nama Surah
		Ibn Mājah (2 ḥadīth)	
		1045	Nama surah
1165	Tidur		

¹⁵ Shahril Nizam dan Ishak Suliaman, Zulkipli. *Autoriti Hadis Di Internet*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013),

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
		Muslim (3 ḥadīth)	
		1372	Bintang/malam
		902	Nama surah
		903	Nama surah
		Al-Nasā'ī (4 ḥadīth)	
		950	Nama surah
		951	Nama surah
Al-Nujūm	26	Bukhārī (2 ḥadīth)	
		4583	Banyak
		6	Bintang (Hercules)
		Abū Dāwūd (6 ḥadīth)	
		354	Malam (solat maghrib)
		1001	Malam (solat Kusuf)
		1021	Malam (jama' solat)
		1029	Malam (jama' solat)
		4157	Bintang
		3406	Ilmu tanjim/ramalan
		Ibn Mājah (4 ḥadīth)	
		681	Malam (solat Maghrib)
		3716	Ilmu tanjim/ramalan
		4291	Banyak (bekas minum telaga syurga)
		4292	Banyak (bekas minum ahli syurga)
		Muslim (8 ḥadīth)	
		107	Nama surah / tanda kebesaran Allah
		364	Banyak (bekas minum ahli syurga)
		4259	Banyak (bekas minum ahli syurga)
		4262	Banyak (bekas minum

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
		607	ahli syurga Banyak (bekas minum ahli syurga)
		1550	Ilmu tanjim/ramalan
		1159	Malam (Waktu Maghrib & Jama')
		4596	Analogi sahabat nabi
		Nasā'ī (3 ḥadīth)	
		510	Malam (waktu solat Isya' dan Fajar)
		584	Malam (solat Maghrib dan jama')
		593	Malam (waktu solat)
		Tirmidhī (3 ḥadīth)	
		2461	Analogi kelebihan ahli syurga
		3197	Waktu solat (sunat qabliyah fajr)
		3247	Rejaman syaitan
Al-Hilāl	55 ¹⁶	Bukhārī (9 ḥadīth)	
		5978	Tazkirah melunakkan hati
		1829	Puasa wiṣāl (larangan)
		2379	Tazkirah melunakkan hati
		5403	Awal bulan (miqat zamani)
		6345	Puasa wiṣāl (larangan)
		6701	Puasa wiṣāl (larangan)
		161	Awal bulan (miqat zamani)
		1773	Awal bulan Ramaḍān
		6755	Puasa wiṣāl (larangan)
Abū Dāwūd			

¹⁶ Asal carian ialah sebanyak 69. Akan tetapi didapati carian turut meliputi nama perawi seperti al-Nazzāl bin Sabrah al-Hilālī dalam Ṣaḥīḥ Bukhārī ḥadīth 3217, Qabiṣah bin al-Hilālī dalam Sunan Abū Dāwūd ḥadīth 1001 dan 1397 serta Ṣaḥīḥ Muslim ḥadīth 1730, serta Sunan al-Nasā'ī ḥadīth 1469 dan 1470 serta Sunan al-Tirmidhī ḥadīth 513, Abū Mūsā al-Hilālī dalam Sunan Abū Dāwūd ḥadīth 1763, Muḥammad bin 'Abdullāh bin 'Ubaid bin 'Aqīl al-Hilālī dalam Sunan Abū Dāwūd ḥadīth 3830, 'Abdullāh bin 'Aun al-Hilālī dalam Ṣaḥīḥ Muslim ḥadīth 2167, 3242, 3507, 3806 dan 5082, Abū Naṣr al-Hilālī dalam Sunan al-Nasā'ī ḥadīth 2193 dan al-Ḥamīd bin 'Umar al-Hilālī dalam Sunan al-Tirmidhī ḥadīth 3422.

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
		(15 ḥadīth)	
		591	Bentuk garisan depan orang yang solat
		1509	Awal bulan (miqat zamani)
		1976	Awal bulan Ramaḍān
		1981	Awal bulan Ramaḍān
		1984	Awal bulan Ramaḍān
		1985	Awal bulan Ramaḍān
		1992	Akhir bulan Ramaḍān
		1994	Awal bulan Ramaḍān
		1995	Awal bulan Ramaḍān
		4429	Adab (tak terima kesaksian)
		4157	Adab (tak terima kesaksian)
		977	Awal bulan Ramaḍān
		1986	Awal bulan Ramaḍān
		1993	Awal bulan Ramaḍān
		4428	Adab / ayatullah
		Ibn Mājah (4 ḥadīth)	
		1643	Akhir bulan Ramaḍān
		1644	Awal bulan Ramaḍān
		1645	Awal bulan Ramaḍān
		1642	Awal bulan Ramaḍān
		Muslim (10 ḥadīth)	
		1795	Awal bulan Ramaḍān
		1811	Awal bulan Ramaḍān
		1820	Awal bulan Ramaḍān
		1846	Puasa wiṣāl (larangan)
		2035	Awal bulan (miqat zamani)
		5120	Bulan
		5282	Tazkirah melunakkan hati
		1978	Awal bulan Ramaḍān
		1808	Awal bulan Ramaḍān
		1819	Awal bulan Ramaḍān
		Nasā'ī (12 ḥadīth)	
		2085	Awal bulan Ramaḍān
		2086	Awal bulan Ramaḍān
		2090	Awal bulan Ramaḍān
		2092	Awal bulan Ramaḍān

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
		2094	Awal bulan Ramaḍān
		2096	Awal bulan Ramaḍān
		2097	Awal bulan Ramaḍān
		2099	Awal bulan Ramaḍān
		1539	Awal bulan Ramaḍān
		2084	Awal bulan Ramaḍān
		2091	Awal bulan Ramaḍān
		2098	Awal bulan Ramaḍān
		Tirmidhī (3 ḥadīth)	
		627	Awal bulan Ramaḍān
		629	Awal bulan Ramaḍān
		3373	Doa nampak anak bulan
Al-Qamar	164 ¹⁷	Bukhārī (58 ḥadīth)	
		521	Ayatullah/dapat lihat Allah semasa Akhirat
		764	Ayatullah/dapat lihat Allah semasa Akhirat
		982	Solat gerhana/ayatullah
		983	Solat gerhana/ayatullah
		985	Solat gerhana/ayatullah
		986	Solat gerhana/ayatullah
		989	Solat gerhana/ayatullah
		990	Solat gerhana/ayatullah
		993	Solat gerhana/ayatullah
		997	Solat gerhana/ayatullah
		1567	Manasik haji
		5962	Tazkirah melunakkan hati
		3006	Analogi keindahan wajah ahli syurga terawal
		3008	Analogi keindahan wajah ahli syurga terawal
		3288	Analogi keindahan wajah nabi Muḥammad
		3365	Mu'jizat membelah bulan
		3366	Mu'jizat membelah bulan
		3579	Mu'jizat membelah bulan
		3581	Mu'jizat membelah bulan
		4215	Mudah melihat Allah di

¹⁷ Kerana frekuensi yang tinggi, penyelidik hanya memilih ḥadīth, dengan membuat ḥadīth berulang berdasarkan tema yang sama.

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
			akhirat seperti mudah melihat bulan di dunia
		4309	Analogi keceriaan 3 orang sahabat nabi yang diampunkan (Tabuk)
		4395	Tafsīr – terbelahnya bulan tanda qiamat
		4450	Tafsīr – terbelahnya bulan tanda qiamat
		4451	Tafsīr – terbelahnya bulan tanda qiamat
		5364	Analogi keindahan wajah ahli syurga
		6467	Tafsīr – Faliq al-Isbah
		2961	Qiamat – bulan akan digulung
		Abū Dāwūd (11 ḥadīth)	
		995	Solat gerhana/ayatullah
		1898	Hukum zihar/gaul isteri yang dizihar setelah ternampak betisnya di bawah cahaya bulan
		3157	Analogi kelebihan ‘ulamā’
		4104	Ayatullah/dapat lihat Allah di hari akhirat
		4105	Ayatullah/dapat lihat Allah di hari akhirat
		355	Waktu solat Isya’ – rembulan tenggelam malam ketiga (sic)
		974	Surah yang digalakkan dibaca semasa Solat ‘Aid
		1897	Hukum zihar/gaul isteri yang dizihar setelah ternampak betisnya di bawah cahaya bulan
		Ibn Mājah (12 ḥadīth)	
		173	Ayatullah/dapat lihat Allah di hari akhirat
		174	Ayatullah/dapat lihat Allah di hari akhirat
		219	Kelebihan ‘alim berbanding ‘abid seperti

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
			bulan ke atas seluruh bintang
		1251	Solat gerhana/ayatullah
		1253	Solat gerhana/ayatullah
		3172	Sembelihan di waktu malam purnama
		4324	Analogi keindahan ahli syurga terawal
		2055	Hukum zihar/gaul isteri yang dizihar setelah ternampak betisnya di bawah cahaya bulan
		Muslim (34 ḥadīth)	
		269	Ayatullah/dapat melihat Allah di hari akhirat
		278	Analogi keindahan wajah ahli syurga terawal
		318	Analogi keindahan wajah ahli syurga terawal
		319	Analogi keindahan wajah ahli syurga terawal
		1499	Solat gerhana/ayatullah
		1500	Solat gerhana/ayatullah
		1504	Solat gerhana/ayatullah
		1002	Ayatullah/dapat lihat Allah di hari akhirat
		1477	Surah yang digalakkan dibaca semasa Solat 'Aid
		1655	Waktu malam, di saat Abū Zar berbicara dengan nabi mengenai harta dan zakāt
		2001	Malam lailatul qadr – bulan muncul seperti belahan nampan
		2274	Bulan tenggelam sebagai tanda untuk bergerak dari Muzdalifah ke Jamrah
		5062	Analogi keindahan wajah ahli syurga terawal
		4326	Analogi keindahan wajah nabi Muḥammad
		5008	Alamat qiamat – bulan terbelah
		5012	Mu'jizat nabi membelah bulan

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
		Al-Nasā'ī (26 ḥadīth)	
		526	Waktu solat Isya' terakhir, saat tenggelam bulan pada sepertiga pertama
		1442	Solat gerhana/ayatullah
		1445	Solat gerhana/ayatullah
		1453	Solat gerhana/ayatullah
		1473	Solat gerhana/ayatullah
		3404	Hukum zihar/gaul isteri yang dizihar setelah ternampak betisnya di bawah cahaya bulan
		525	Nabi suka solat isya' di saat bulan tenggelam di sepertiga malam pertama
Al-Shams	634 ¹⁸	Bukhārī (158 ḥadīth)	
		413	Gerhana matahari dan bayangan api neraka
		462	Arah qiblat dan waktu solat Zohor
		491	Waktu solat
		507	Waktu solat
		512	Waktu solat
		514	Waktu solat
		521	Waktu solat
		523	Waktu solat
		524	Waktu solat, perbandingan umat dahulu dengan umat Muḥammad
		527	Waktu solat
		545	Waktu solat
		605	Waktu solat (bab azan)
		853	Waktu solat Jumaat
		983	Waktu solat Jumaat, gerhana sebagai ayatullah
		1004	Solat gerhana dalam kitāb solat Jumaat
		1044	Solat Jama' dalam kitāb solat Jumaat

¹⁸ Kerana frekuensi yang tinggi, penyelidik hanya memilih ḥadīth, dengan membuat ḥadīth berulang berdasarkan tema yang sama.

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
		1122	Waktu larangan solat di dalam kitāb solat Jumaat
		1286	Nabi keluar waktu tengahari dan mendengar seksa kubur Yahudi
		1319	Waktu siang (kitāb zakāt)
		1372	Waktu siang (kitāb zakāt)
		1381	Matahari sehasta dari kepala pada hari Qiamat (kitāb zakāt)
		1523	Waktu larangan solat dalam kitāb haji
		1552	Waktu Khutbah Arafah (kitāb haji, bab meringkaskan khutbah)
		1572	Waktu bergerak ke Muzdalifah
		2584	Ganjaran jihad – lebih baik daripada matahari
		2630	Ganjaran jihad
		5947	Takzilah menjinakkan jiwa
		6025	Matahari terbit dari barat – tanda qiyamat dan tazkirah menjinakkan jiwa
		1818	Waktu tamat berpuasa
		1820	Waktu tamat berpuasa
		2107	Waktu malam
		2108	Waktu malam
		2110	Waktu malam (upah pekerja)
		3773	Waktu lewat petang (bab peperangan)
		2305	Waktu malam (bab berkongsi / syarikat)
		2714	Tamat waktu Asar – tenggelam matahari (bab jihad)
		2744	Waktu condongnya matahari – nabi berkhotbah dalam peperangan (kesalahan terjemahan)
		2801	Waktu condongnya matahari – nabi berkhotbah dalam peperangan

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
		2872	Waktu Asar
		2960	Permulaan penciptaan matahari – tafsīr Surah Yasin
		2962	Gerhana dalam bab awal penciptaan makhluk
		3032	Waktu larangan solat (matahari seolah-oleh berada pada tanduk syaitan)
		3111	Matahari di padang Mahsyar
		3200	Waktu Asar
		3306	Waktu siang - tazkirah
		3346	Waktu siang - tazkirah
		3551	Waktu siang – tazkirah
		3616	Waktu siang - tazkirah
		3802	Waktu Asar – dalam bab peperangan
		4169	Tafsīr Qur’ān – waktu Asar
		4215	Ayatullah – dapat melihat wajah Allah di akhirat
		4269	Tanda Qiamat – matahari terbit dari barat
		4429	Tafsīr Qur’ān- matahari bergerak dalam orbit
		4456	Terbit matahari sebagai keindahan – tafsīr Qur’ān
		4473	Tafsīr Qur’ān
		4798	Gerhana matahari – tazkirah untuk perkahwinan
		4886	Waktu berpuasa (bab Talaq)
		5339	Gerhana matahari (bab pakaian)
		5371	Waktu larangan solat (bab pakaian)
		5731	Gerhana matahari pada tahun kematian Ibrahim
		5827	Waktu siang terik – nabi jadi pelindung
		6088	Tazkirah menjinakkan hati – lihat Allah
		6390	Terik matahari – hukuman kepada pencuri
		6467	Siang – tafsīr ‘faliq al-

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
			isbah'
		6563	Tanduk syaitan / tanduk matahari – tempat fitnah akan muncul
		6588	Tanda hari qiamat – matahari terbit dari barat
		6784	Waktu Asar – 'awali dan jarak mil
		331	Terik matahari yang mengejutkan nabi dari tidur dalam safar
		532	Waktu solat melalui pedoman matahari
		4626	Nabi lebih suka turunnya al-Qur'ān berbanding terbit matahari
		1628	Waktu melempar jamrah
		1805	Waktu berbuka puasa
		1823	Waktu berbuka puasa – hari qada' kerana matahari belum tenggelam
		2508	Terbit matahari dan kelebihan mendamaikan dua saudara
		2961	Bulan dan matahari akan dilipat pada hari qiamat
		3092	Dekatnya matahari di hari mahsyar
		5641	Nama surah al-Shams
		3665	Terik matahari semasa perang Badar hingga mereput mayat
		Abū Dāwūd (89 ḥadīth)	
		332	Waktu solat mengikut pedoman matahari
		333	Waktu solat mengikut pedoman matahari
		335	Waktu solat mengikut pedoman matahari
		342	Waktu Zohor
		344	Waktu Asar
		350	Matahari serta solat orang gelojoh dan munafiq
		351	Pedoman matahari untuk waktu makruh lewat Asar

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
		353	Waktu Maghrib
		363	Solat sebelum terbit dan tenggelam matahari
		997	Gerhana matahari
		1000	Gerhana matahari
		1022	Panduan solat musafir
		1029	Panduan solat musafir
		1033	Larangan solat di saat hampir gelincir matahari
		1085	Waktu solat
		1170	Tanda lailatul qadr
		1188	Nama surah al-Shams
		1241	Fadilat pembaca al-Qur'ān kepada ibu bapa
		1641	Waktu bergerak dari Muzdalifah
		1657	Waktu melempar jamrah
		2004	Waktu puasa
		2005	Waktu puasa
		2012	Qada' bagi yang berbuka puasa pada waktu ghim, kemudian nampak matahari
		2237	Makruh melepaskan ternakan pada waktu senja
		2779	Terik siang matahari
		2870	Terik siang matahari
		3182	Kelebihan zikir antara subuh hingga matahari terbit
		3757	Tanda qiamat
		4105	Ayatullah, melihat Allah
		4185	Terik matahari – nasihat untuk berteduh
		4210	Nabi kekal duduk lepas subuh hingga terbit matahari
		882	Kelebihan matahari pada hari Jumaat
		996	Gerhana matahari
		1628	Panduan matahari dalam manasik haji
		1656	Waktu melempar
		2120	Terbuka pintu taubat sehingga matahari terbit dari barat
		2283	Berperang selepas

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
		3756	gelincir matahari Matahari terbit dari barat sebagai tanda qiamat
		3767	Fitnah akhir zaman
		Ibn Mājah (53 ḥadīth)	
		665	Waktu solat
		674	Waktu solat
		675	Waktu solat
		689	Tidur keletihan dan bangun selepas terik matahari, lalu terus solat subuh walaupun lewat
		692	Sah solat walaupun dapat satu raka'at sahaja pada waktunya
		827	Ayat dalam al-Qur'ān
		1145	Nabi qada' solat qabliyyah subuh selepas terbit matahari
		1238	Waktu larangan solat
		1240	Waktu larangan solat
		1241	3 waktu larangan solat
		1242	3 waktu larangan solat
		1251	Gerhana matahari
		1378	Fadilat Nisfu Sha'ban
		1664	Qada' puasa kerana berbuka awal semasa awan mendung
		3000	Manasik haji
		3013	Manasik haji
		3045	Manasik haji
		2127	Terik matahari – nazar yang keterlaluan dan batil
		4060	Matahari terbit dari barat sebagai tanda qiamat
		4070	Tanda qiamat
		3712	Adab larangan duduk antara tempat teduh dan terik matahari
		4327	Mudahnya melihat Allah seperti mudah melihat matahari tanpa awan
		147	Kelebihan Miqdad (sahabat) dijemur di bawah matahari oleh mushrikin

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
		1010	Hukum solat yang salah qiblat kerana mendung
		1151	Waktu nabi memulakan solat fardhu
		1243	Waktu larangan solat
		1508	Waktu larangan kebumi mayat
		1685	Melewatkan sahur
		2197	Larangan menaikkan harga barangan pada waktu tertentu
		4152	Rasulullah sebagai pemberi shafa'at
		Muslim (130 ḥadīth)	
		78	Panduan lokasi
		226	Tanda qiamat
		227	Tanda qiamat
		230	Tafsīr matahari punya pusingan sendiri
		269	Ayatullah dan melihat Allah di akhirat
		710	Nama surah al-Shams
		1367	Waktu solat
		1368	Waktu larangan solat
		1493	Solat istisqa'
		1499	Solat gerhana
		957	Waktu solat
		966	Waktu solat
		989	Waktu senja
		1143	Waktu jama' solat menerusi panduan matahari
		1272	Petunjuk lailatul qadr
		1421	Waktu solat Jumaat
		1677	Mudahnya bersedekah pada siang hari
		1743	Galakan membuat kebaikan dan sedekah
		1841	Waktu puasa
		2290	Waktu melempar jamrah
		5108	Matahari dekat di padang Mahsyar
		5162	Tanda qiamat
		3163	Waktu siang – kisah

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
		3276	memerangi pemberontak Waktu melancarkan serangan
		3351	Terik perang Badar
		3495	Galakan berjihad
		3757	Larangan keluar waktu senja
		4286	I'tikaf sehingga matahari terbit
		4326	Deskripsi keindahan nabi, bukan macam matahari
		4353	Tazkirah nabi di waktu Zohor
		4520	Waktu siang (bab kelebihan sahabat)
		4733	Hukuman larangan hukuman jemur kepanasan
		970	Waktu solat mengikut panduan matahari
		5114	Yahudi disiksa di kuburnya selepas matahari tenggelam
		Nasā'ī ¹⁹ (129 ḥadīth)	
		467	Waktu solat
		469	Waktu solat
		483	Waktu solat
		491	Waktu solat, lewatkan 'Isha'
		510	Akhir waktu solat Asar
		519	Tamat waktu asar ketika cahaya matahari berwarna kekuningan
		521	Waktu Zohor dan Asar berdasarkan panduan bayang-bayang objek
		558	Waktu larangan solat
		562	Tiga waktu larangan solat dan kebumikan jenazah
		582	Solat musafir
		584	Keharusan jama' taqdim

¹⁹ Ada beberapa ḥadīth yang menggunakan perkataan al-shumus, bukannya al-shams, seperti ḥadīth 1171 dan 1301 merujuk kepada ekor kuda liar, apabila membincangkan persoalan kaifiat takbiratul ihram.

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
		973	Nama surah al-Qur'ān
		1340	Berwirid lepas subuh hingga terbit matahari
		1442	Gerhana dan ayatullah
		1452	Gerhana dan kaifiat solat sunat kusuf
		2534	Tazkirah kemewahan
		1986	3 waktu larangan solat dan kebumi jenazah
		2032	Yahudi disiksa di kubur selepas tenggelam matahari
		2139	Waktu berpuasa
		2814	Manasik haji
		2955	Manasik haji
		2959	Manasik haji dan kaifiat khutbah Arafah
		3004	Manasik haji
		3068	Fadhilat jihad berbanding terbit tenggelamnya matahari
		522	Tidak digalakkan tidur dan bersembang lepas Maghrib
		557	Tiga waktu dilarang solat dan kebumi mayat berdasarkan panduan matahari
		600	Jama' Zohor dan Asar di 'Arafah
		621	Terlewat solat subuh
		649	Azan solat jama'
		864	'Alī menggunakan panduan matahari untuk mengajar waktu solat
		974	Surah al-Shams yang dibaca dalam solat
		1349	Terlewat solat Asar di waktu Maghrib
		1356	Sebaik-baik hari (Jumaat)
		1413	Fadilat Jumaat
		1444	Gerhana dan ayatullah
		1447	Gerhana dan ayatullah
		1501	Solat istisqa'
		1769	Waktu dibenarkan qada' solat qiyam
		2123	Waktu sahur
		3014	Manasik haji

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR ḤADĪTH	TEMA
		3958	Waktu siang pada satu peristiwa pembunuhan
		Tirmidhī (73 ḥadīth)	
		138	Waktu solat
		139	Waktu solat
		144	Waktu solat
		162	Tertidur sehingga tamat waktu solat
		165	Terlewat solat Asar dalam Perang Khandaq
		428	Qada' solat witr
		450	Fadilat Jumaat
		505	Solat sunat semasa safar
		513	Solat gerhana
		514	Solat gerhana
		534	Beri'tikaf sehingga terbit matahari
		544	Solat sunat nabi di siang hari
		634	Waktu puasa
		721	Waktu mula i'tikaf
		795	Manasik haji
		811	Manasik haji
		951	3 waktu larangan solat dan kebumi jenazah
		1537	Waktu sunnah keluar berperang
		1538	Waktu sunnah keluar berperang
		2112	Matahari di hari qiamat
		2345	Matahari terlalu dekat di hari akhirat
		2472	Mudahnya melihat Allah seperti mudahnya melihat matahari
		2739	Rujukan waktu siang dalam adab warna pakaian
		2910	Tafsīr ayat al-Qur'ān
		2998	Tafsīr ayat al-Qur'ān
		3483	Kelebihan beri'tikaf hingga terbit matahari
		3521	Keutamaan berzikir berbanding nikmatnya terbit matahari

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR HADĪTH	TEMA
		3581	Indahnya wajah nabi seolah-olah ada matahari di hadapannya
		3617	Kelebihan Umar
		284	Surah yang digalakkan untuk dibaca semasa solat
		480	Waku tengahari – sunat solat kerana pintu syurga dibuka dan amalan diangkat
		508	Panduan solat safar
		723	Tanda lailatul qadr
		819	Bertolak dari Muzdalifah sebelum matahari terbit
		822	Melempar jamrah setelah matahari terbit
		2010	Rujukan waktu siang dalam bab rawatan demam panas
		3459	Pintu taubat terbuka selagimana matahari terbit dari timur

4 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada data yang diperolehi, terdapat beberapa perkara yang boleh dianalisis.

4.1 PEMBANGUNAN TEMA

Terdapat beberapa tema yang boleh dibangunkan bagi memahami konteks penggunaan perkataan bintang, bulan dan matahari di dalam ḥadīth. Pembangunan tema tersebut adalah seperti di dalam Jadual 2.

Jadual 2 Pembangunan Tema Objek Selestial Dalam Ḥadīth

OBJEK	TEMA
Bintang	Nama Surah Tidur Waktu malam Bilangan yang banyak Objek bintang Waktu solat

OBJEK	TEMA
Bulan	Kaifiat solat jama' Ilmu ramalan / tanjim Analogi keistimewaan sahabat nabi Rejaman syaitan Tanda kebesaran Allah
Matahari	Tazkirah Larangan puasa wiṣāl Awal bulan Bentuk garisan depan orang yang solat Adab (kesaksian tertolak) Tanda kebesaran Allah Doa ru'yah anak bulan Gerhana Mudahnya melihat wajah Allah Manasik haji Analogi indahnya wajah penghuni syurga awal Manasik haji Analogi keindahan wajah nabi Mu'jizat nabi membelah bulan Analogi keceriaan sahabat yang diampunkan Tafsīr al-Qur'ān Tanda qiamat – bulan digulung Analogi kelebihan 'ulamā' Waktu solat Isha' Nama surah al-Qur'ān Kelebihan alim berbanding 'abid Sembelihan di malam purnama Waktu solat Isha' terakhir Waktu nabi tunaikan Isha'
Matahari	Gerhana matahari Bayangan api neraka Arah Qiblat Waktu solat Kaifiat solat jama' Waktu larangan solat Waktu larangan kebumi jenazah Rujukan kepada waktu siang Manasik haji Ganjaran jihad Tazkirah melunakkan jiwa Waktu puasa Rujukan waktu malam Rujukan waktu lewat petang Waktu nabi berkhotbah dalam perang Permulaan penciptaan matahari Matahari di padang Mahsyar

OBJEK	TEMA
	<p>Tafsīr al-Qur’ān</p> <p>Tanda qiamat – matahari terbit dari barat</p> <p>Tahun kematian Ibrahim bin Muḥammad</p> <p>Nabi jadi pelindung waktu terik matahari</p> <p>Terik matahari – hukuman kepada pencuri</p> <p>Tanduk syaitan / matahari - tempat fitnah akan muncul</p> <p>Terik matahari mengejutkan nabi tidur pagi dalam safar</p> <p>Waktu siang dan kelebihan mendamaikan saudara</p> <p>Terik matahari mereputkan mayat perang Badar</p> <p>Tanda lailatul qadr</p> <p>Fadilat pembaca al-Qur’ān kepada ibu bapa</p> <p>Qada’ puasa kerana iftar kerana ghim sebelum maghrib</p> <p>Makruh melepaskan ternakan selepas senja</p> <p>Zikir dan i’tikaf antara subuh dan terbit matahari</p> <p>Pintu taubat terbuka sehingga matahari terbit dari barat</p> <p>Berperang selepas gelincir matahari</p> <p>Fitnah akhir zaman</p> <p>Qada’ solat qabliyah fajar selepas terbit matahari</p> <p>Fadhilat nisfu Sha’ban</p> <p>Larangan duduk antara tempat teduh dan terik</p> <p>Kelebihan sahabat (Miqdad yang dijemur)</p> <p>Panduan lokasi</p> <p>Tafsīr pusingan matahari</p> <p>Solat istisqa’</p> <p>Deskripsi keindahan nabi (bukan macam matahari)</p> <p>Makruh bersembang dan tidur selepas Maghrib</p> <p>Matahari sebagai objek pendidikan waktu solat</p> <p>Hari terbaik dalam seminggu</p> <p>Waktu Sunnah keluar berperang</p> <p>Matahari terlalu hampir di padang Mahshar</p>

4.2 PENGGUNAAN ḤADĪTH DALAM KONTEKS FALAK DAN FENOMENA ALAM

Berdasarkan pembangunan tema seperti di dalam Jadual 2, cendekiawan dan orang awam boleh membuat semakan bagi memastikan keabsahan maklumat-maklumat berkaitan fenomena astronomi yang disebarkan di dalam media.

Sebagai contoh, apabila mendapat dakwaan yang matahari sudah semakin bergerak untuk terbit daripada barat seperti yang disandarkan kepada kenyataan NASA, selain menyemak adakah benar pihak NASA pernah membuat kenyataan tersebut, para penyelidik boleh membuat semakan terhadap semua ḥadīth di bawah tema ‘Matahari terbit dari barat – tanda qiamat’. Kesemua ḥadīth yang berada di bawah tema ini

mbolehkan penyelidikan membuat semakan daripada sudut autentisiti ḥadīth, maksud ḥadīth serta bagaimana ianya boleh diaplikasi dalam situasi sebenar.

Di dalam dakwaan matahari semakin hampir untuk terbit dari barat, kebanyakan sebaran palsu menggunakan ḥadīth yang ada di dalam kutub sittah, seperti:

صحيح البخاري ٤٢٧٠: حَدَّثَنِي إِسْحَاقُ أَخْبَرَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ أَخْبَرَنَا مَعْمَرٌ عَنْ هَمَّامٍ
عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا
فَإِذَا طَلَعَتْ وَرَأَاهَا النَّاسُ آمَنُوا أَجْمَعُونَ وَذَلِكَ حِينَ لَا يَنْفَعُ نَفْسًا إِيْمَانُهَا ثُمَّ قَرَأَ الْآيَةَ

Sahīh Bukhārī 4270: Telah menceritakan kepadaku Ishaq Telah mengkhabarkan kepada kami ‘Abdul Razzāq telah mengkhabarkan kepada kami Ma‘mar dari Hammām dari Abū Hurairah dia berkata; Rasulullah SAW bersabda: “Tidak akan terjadi hari qiamat hingga matahari terbit dari sebelah barat. Apabila matahari itu telah terbit dari barat, dan orang-orang melihatnya maka mereka semua segera beriman. Itulah keimanan yang tidak berguna bagi dirinya. Lalu beliau membaca ayat (yang berkenaan dengan hal itu).”

Akan tetapi, konteks aplikasi ḥadīth tersebut digunakan secara tidak beramanah, dengan membawa kefahaman kepada masyarakat yang fenomena itu sedang berlaku apabila kecondongan matahari sudah bertukar dari hari ke hari.

Sekiranya ḥadīth ini dianalisa dan dibandingkan ḥadīth-ḥadīth fitnah dan petanda akhir zaman yang lain, para penyelidik akan mendapati bahawa sebelum matahari terbit daripada barat, ada beberapa lagi petunjuk lain yang akan dizahirkan terlebih dahulu, antaranya berlakunya kehancuran di beberapa wilayah di Timur Tengah, sehingga seolah-olah manusia hidup di zaman silap tanpa infrastruktur tamadun moden.

Selain itu, kesalahan fakta di dalam maklumat palsu itu juga menolak fakta sains mengenai kecondongan pergerakan matahari yang konsisten sepanjang tahun. Seinggalah Allah mentaqdirkan fenomena matahari terbit daripada barat itu yang wajib diimani akan berlaku, sehingga ke saat ini pakar astronomi tidak pernah mencatatkan larinya sudut kecondongan matahari yang signifikan.

4.3 CADANGAN

Kajian rintis ini mendapati terdapat beberapa cadangan yang boleh difikirkan seperti:

- i. Penyebaran maklumat palsu mengenai fenomena astronomi yang dikaitkan dengan sentimen agama boleh dikurangkan sekiranya wujud penyelidikan berpusat dan terarah berkaitan falak berdasarkan konteks di dalam al-Qur’ān dan al-Sunnah.
- ii. Pengembangan kajian tematik ḥadīth mengenai objek selestial perlu dilakukan secara sistematik bagi mbolehkan pengembangan ilmu falak yang selari dengan sains dan keperluan masyarakat.

- iii. Pengembangan kajian tematik ḥadīth mengenai objek selestial dan falak juga berpotensi untuk dikembangkan sebagai kandungan dalam silabus pendidikan di pelbagai peringkat selain aktiviti kokurikulum pelajar.
- iv. Kajian rintis pembangunan tema ḥadīth-ḥadīth berkaitan falak adalah mencukupi bagi membuat penyelidikan akademik yang lebih mendalam berdasarkan metodologi tematik.
- v. Kajian tematik ini juga membuka ruang kepada proses verifikasi dan semakan semula terhadap manuskrip yang telah diterjemah dan dikembangkan kefahamannya supaya menepati maksud ḥadīth yang asal. Ini kerana sepanjang proses pengumpulan data khususnya yang membabitkan edisi terjemahan, penyelidik mengenalpasti beberapa kesalahan pada terjemahan dan pengembangan makna pada konteks yang salah.

5 PENUTUP

Bersesuaian dengan salah satu fungsi ḥadīth sebagai salah satu daripada tanda mu'jizat nabi Muḥammad yang bersifat lestari, penyelidikan dengan memplot tema ḥadīth berkaitan dengan objek selestial adalah penting di dalam akademik. Berdasarkan kepada jumlah ḥadīth berkaitan yang agak signifikan, usaha penyelidikan ini perlu ditingkatkan bagi menyuburkan disiplin ilmu yang kebiasannya menjadi teras di dalam tamadun manusia sejak dahulu lagi.

Dengan penyelidikan seumpama ini, orang awam, pendidik dan ahli akademik akan memperolehi rujukan setempat dan terarah sekiranya mereka memerlukan panduan dalam isu-isu berkaitan dengan falak dan astronomi. Berdasarkan penyebaran maklumat palsu yang sedia ada, yang menggunakan ḥadīth pada konteks yang salah, kajian ini juga akan memudahkan penyelidik untuk membuat proses verifikasi terhadap keabsahan dakwaan tersebut, seterusnya memastikan ketulenan agama tidak terjejas.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad, Khader. "Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam Al-Kutub Al-Sittah: Aplikasi Di Pusat Rawatan Islam Di Malaysia." University Malaya, 2012.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm. *Ṣaḥīḥ Al-Imām Al-Bukhārī Al-Musammā Bi Al-Jāmi' Al-Musnad Al-Ṣaḥīḥ Al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūl Allāh Wa Sunanihi Wa Ayyāmihī*. Beirut: Dar Tuq al-Najah, 2001.
- Al-Hārithī, Aḥmad bin Ḥasan bin Aḥmad. *Al-Aḥādīth Al-Nabawīyyah Allatī Ustudilla Biha Al-I'jāz Al-'Ilmiy Fī Al-Insān Wa Al-Arḍ Wa Al-Falak*. Al-Madīnah al-Munawwarah: Al-Jāmi'ah Al-Islāmiyyah bi al-Madīnah al-Munawwarah, 2010.
- Al-Shaukānī, Muḥammad 'Alī. *Al-Fawā'id Al-Majmū'ah Fī Al-Aḥādīth Al-Mauḍū'ah*. Beirut: al-Maktabah al-Assrya, 2011.
- Al-Zahrani, Muhammad Matar. *Tadwin Al-Sunnah Al-Nabawīyyah*. Kuala Lumpur: Al-Bayan Corporation Sdn Bhd, 2012.
- Berg, Bruce Lawrence. *Qualitative Research Methods for the Social Sciences*. Michigan: Allyn and Bacon, 2001.
- Boyatzis, Richard E. *Transforming Qualitative Information; Thematic Analysis and Code Development*. London: Sage Publication, 1998.
- Braun, Virginia, and Victoria Clarke. "Using Thematic Analysis in Psychology." *Qualitative Research in Psychology* 3 (2006): 77–101.
- Denzin, Norman K., and Yvonna S. Lincoln. *The Landscape of Qualitative Research*. London: Sage Publication, 2012.
- Deraman, Fauzi. *Hadith Dalam Karya Syeikh Daud Al-Fatani*. Kuala Lumpur: DBP, 2010.
- Hockey, Thomas, K Bracher, M Bolt, and V Trimble. *Biographical Encyclopedia of Astronomers*. Cedar Falls: Springer, 2007.
<http://books.google.com/books?hl=en&lr=&id=t-BF1CHkc50C&oi=fnd&pg=PR1&dq=Biographical+Encyclopedia+of+Astronomers&ots=mg28k0Qwv3&sig=5ha5gEbWfPzOb9Rw1kKU-gmOEH4>.
- Ismail, Mat Rofa "Retori, Balaghah Bahasa Dan Etnomantik Melayu." In *Etnosains Dan Etnomatematik Alam Melayu*, edited by Mat Rofa Ismail, 179–218. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.
- Ismail, Mat Rofa. "Kosmologi Dan Geopusat Nuruddin Al-Raniri." In *Etnosains Dan Etnomatematik Alam Melayu*, edited by Mat Rofa Ismail, 1–14. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.

- Ismail, Mat Rofa. *Falsafah Sains: Pendekatan Kualitatif*. Ampang: DBP, 2006.
- Izzan, Ahmad, and Iman Saifullah. *Studi Ilmu Falak; Cara Mudah Belajar Ilmu Falak*. Banten: Pustaka AuFa Media, 2013.
- Jamal. "Falak Dalam Negeri Pahang." Universiti Malaya, 2013.
- King, David A. *Islamic Astronomy and Geography*. Surrey: Ashgate Publishing Limited, 2012.
- Mahmud, Yakan. *Pandangan Islam Terhadap Orientalisme*. Kuala Lumpur: DBP, 2013.
- Md Zain, Rohaizan Baru. *Bagaimana Meletakkan Hukum Hadith*. Kuala Lumpur: JAKIM, 1999.
- Muslim, bin Al-Ḥajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Cairo: Dar al-Hadith, 1991.
- Saadman Man, Mohammadin Abdul Niri, Khadijah Ismail & Abdul Karim Ali. *Tradisi Kecemerlangan Astronomi Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2014.
- Wahab, Raihana Abdul, Ishak Suliaman, and Mohd Zambri Zainuddin. "Konsep Astronomi Dari Perspektif Al-Quran." Kuala Lumpur, 2013.
- Wahab, Raihana Abdul. "Proses Kematian Bintang Daripada Perspektif Islam Dan Astronomi Modern." Universiti Malaya, 2014.
- Zainal, Baharrudin. "Etnomatematik Dalam Ilmu Falam Alam Melayu." Universiti Putra Malaysia, 2009.
- Zainal, Baharrudin. "Kenampakan Anak Bulan Dalam Takwim Alam Melayu." In *Etnosains Dan Etnomatematik Alam Melayu*, edited by Mat Rofa Ismail, 15–26. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.
- Zainal, Baharrudin. *Ilmu Falak: Teori, Praktik Dan Hitungan*. Kuala Terengganu: KUSZA, 2003.
- Zulkipli, Shahrul Nizam, and Ishak Suliaman. *Autoriti Hadis Di Internet*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.